

Kita berjaya kerana menolak sosialisme — Mahathir

UM 14 AUG 1990

KUALA TERENGGANU 13 Ogos — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini petang ini, Malaysia telah mencapai kejayaan kerana penolakannya terhadap dasar sosialis dan sikap 'tidak apa'.

Katanya, negara-negara Eropah Timur mengamalkan dasar sosialis kerana kononnya hendak menjadikan semua manusia setaraf tanpa sebarang persaingan untuk mendapatkan pendapatan yang lebih dan akhirnya mereka menjadi negara miskin.

Oleh kerana semua orang mendapat gaji yang sama seperti doktor, petani, atendan dan lain-lain, tiada siapa yang hendak membuat kerja lebih dan ini menjadikan negara mereka berbeza dengan Malaysia yang mempunyai dasar bersaing antara penduduk yang akhirnya negara sendiri mencapai kemajuan, katanya lagi.

Berucap di majlis sambutan beliau sebagai 'Wira Dunia Ketiga' di hadapan beribu orang di Stadium Negeri di sini lewat petang ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia memainkan peranan yang besar dalam kumpulan negara-negara ini "kerana kita ada sesuatu yang boleh disumbangkan."

Menurutnya, Malaysia berkawan dengan semua negara maju tetapi juga berbaik-baik dengan Negara-Negara Ketiga.

"Apa salahnya kalau kita memberi sumbangan, panduan dan nasihat kepada Negara-Negara Dunia Ketiga yang memerlukannya," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, banyak Negara Dunia Ketiga mempunyai sumber alam lebih baik dari Malaysia, tapi mereka masih ketinggalan disebabkan kita mempunyai nilai hidup yang membenarkan mereka mencapai kejayaan.

"Kita dapati mereka lebih mundur dari kita kerana dasar yang mereka anuti, sedangkan kita berjaya kerana telah menolak dan menghapuskan sikap tidak apa dan kejayaan ini mungkin menjadi satu pengajaran kepada negara luar," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir bersyukur kerana

Malaysia tidak menganuti dasar sosialis, sebaliknya percaya kepada konsep pasaran yang menilai keuntungan berdasarkan kepada kelebihan kerja.

Perdana Menteri berkata, Malaysia hari ini mampu memberi pertolongan kepada negara-negara Dunia Ketiga tanpa sikap angkuh, semata-mata untuk menjalinkan hubungan dua hala.

Malaysia, tambahnya, memberi bantuan kepada negara-negara tersebut selaras dengan kemampuan yang ada berlandas kepada hakikat bahawa negara ini juga mahu bantuan dari lain-lain negara sekiranya menghadapi masalah di kemudian hari.

Sebagai contoh, Kuwait, walaupun sebuah negara Islam tetapi sekiranya tidak mempunyai kawan bukan Islam, negara Islam yang lain tidak mampu untuk membantunya mengusir penjajah Iraq.

Untuk itu, tambahnya, walaupun Malaysia tidak gemar dengan tindakan Amerika membantu Arab Saudi berhubung dengan ancaman dari Iraq, tapi disebabkan keadaan ia terpaksa dipertahankan.

Dengan keadaan yang terdesak dan tidak ada orang lain yang membantu, Amerika tetap menjadi pilihan Arab Saudi.

Beliau bertanya, sekiranya Malaysia hendak ditawan, apakah negara ini boleh membua pilihan siapa yang sepatutnya member bantuan.

Oleh itu, walaupun Malaysia tidak suka dan banyak negara Arab marah menerima bantuan itu, tetapi hari ini Arab Saudi yang dipertahankan oleh Amerika menjadi kenyataan.

"Amat mudah sekali kita marah, tapi fikir-lah bagaimana perasaan Arab Saudi yang menerima ancaman. Adakah kita orang Melayu beragama Islam rela ditakluki oleh bangsa Arab atau orang seagama dan sebangsa dengan kita?" tambahnya.

Beliau menegaskan adalah amat mudah bagi sesiapa sahaja untuk menyatakan jangan terima bantuan dari orang kafir, tetapi apa lagi yang ada pada orang-orang Arab Saudi untuk mempertahankan dan menjaga negara sendiri.